


## Dorong adaptasi teknologi digital



KERAJAAN akan memperkenalkan MSC 2.0 dengan penjenamaan serba baharu dan akan ditambah baik bagi tujuan menangani jurang digital sedia ada, mendepani cabaran dan kekangan semasa serta meningkatkan tawaran nilai Malaysia dalam menarik lebih banyak pelaburan digital ke seluruh negara.

Menurut Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed, usaha ini adalah sejajar dengan Rancangan Malaysia Ke-12, Rangka Tindakan Ekonomi Digital Malaysia (MyDIGITAL) dan Matlamat Pembangunan Mampan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu.

Katanya, keputusan itu diambil menerusi mesyuarat keempat Majlis Ekonomi Digital dan Revolusi Perindustrian Keempat Negara yang dipengerusikan Perdana Menteri Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, semalam.

"Selama 25 tahun, Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC) menerusi inisiatif MSC Malaysia berjaya meningkatkan sumbangan ekonomi digital dari sifar peratus kepada lebih 20 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar menjelang 2021," katanya dalam kenyataan, semalam.

Setakat 31 Disember tahun lalu, beliau berkata, MSC Malaysia sudah membantu negara meraih pelaburan berjumlah lebih RM384 bilion dan pendapatan berjumlah RM588 bilion.

Mustapa berkata, negara sudah berkembang menjadi kuasa ekonomi digital global dengan berada pada kedudukan tiga terbaik dalam Indeks Lokasi Perkhidmatan Global oleh Kearney sejak 2004 menerusi inisiatif ini.

"Oleh itu, usaha mendigitalkan ekonomi rakyat dan merakyatkan ekonomi digital akan diteruskan," katanya.

Selain itu, katanya kerajaan berpuas hati dengan pelaksanaan Pelan Jalinan Digital Negara menerusi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) yang mengikut jadual di mana sebanyak 6.427 juta premis mendapat liputan gentian optik, purata kelajuan jalur lebar mudah alih ditingkatkan kepada 31.34 Mbps dan liputan 4G meningkat kepada 94.03 peratus di kawasan berpenduduk sehingga suku ketiga tahun ini.

"Rangkaian 5G di seluruh Malaysia akan dilaksanakan secara agresif bertujuan mencapai sasaran liputan 80 peratus di kawasan berpenduduk menjelang 2024 bagi memastikan negara kembali setanding dengan negara jiran dalam masa terdekat," katanya.

Bagi mendorong adaptasi teknologi digital oleh perusahaan mikro, kecil dan sederhana (PMKS), Mustapa berkata, MyDIGITAL Corporation akan mengajukan Program Pemerksaan Pendigitalan PMKS Kebangsaan 2021 pada 21 hingga 23 November ini.

Katanya, program ini diadakan dengan kerjasama Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, MDEC, MCMC serta agensi kerajaan dan swasta yang berkaitan.

Diliarkan pada: November 16, 2021 @ 7:00am